

TEKS UCAPAN

PEHIN DATU LAILARAJA MEJAR JENERAL [B] DATO PADUKA SERI

HAJI AWANG HALBI BIN HAJI MOHD YUSSOF

PEMANGKU MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERADUAN MARI BERCERITA

PERINGKAT NEGARA 2015

HARI SELASA

01 SYA'BAN 1436 BERSAMAAN 19 MEI 2015

BERTEMPAT

DEWAN DIGADONG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

JAM

9.00 PAGI

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ،

وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Mulia

Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka

Selaku Pengerusi Majlis Peraduan Mari

Bercerita Peringkat Negara 2015

Yang Mulia

[Haji Noor Jusmin bin Haji Abdul Samad]

Pemangku Setiausaha Tetap

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Yang Mulia

Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Yang Mulia,

Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan,

Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampung,

Para ibubapa dan murid-murid,

Peserta-Peserta Peraduan,

Jemaah-Jemaah Hakim yang bijaksana.

Hadirin hadirat yang di rahmati Allah

yang saya hormati dan kasihi sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran
Allah Subhanahu Wata'ala kerana

dengan rahmat dan izinNya jua membolehkan kita berkumpul beramai-ramai di Dewan Digadong yang indah ini di pagi ceria diawal bulan Syaaban yang penuh keberkatan bagi **Majlis Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara 2015.**

2. Selawat dan salam keatas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam, kaum kerabat, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang sentiasa taat setia lagi jujur berjihad menegakkan syiar Islam.

3. Di kesempatan awal dan istimewa ini, terlebih dahulu saya sukacita ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi Majlis, Yang Mulia Dayang Hajah Aminah binti Haji Momin, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka kerana mengundang saya hadir selaku sebagai Tetamu Kehormat Majlis Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara tahun 2015, yang sangat bermakna dan berkebajikan ini.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian

4. Saya mengambil maklum bahawa Peraduan Mari Bercerita telah diadakan saban tahun kali ini kali ke 31 ia diadakan bagi menumbuhsururkan budaya membaca, mengingat dan kemudian menyampaikannya dengan cara berkisah disulami gaya, ekspresi dan penyampaian yang beragam serta olahan suara yang berirama mengikut kehendak cerita yang diperadukan tersebut.

5. Matlamat utama daripada peraduan ini adalah untuk melatih anak-anak di peringkat sekolah rendah menjadi

manusia yang dapat berfikir kreatif, positif dalam berekspresi, sentiasa bersemangat, berani, berkeyakinan serta tumbuh subur menjadi masyarakat luas yang bermanfaat kepada keluarga, sekolah, bangsa dan Negara. Ini bermakna Peraduan Mari Bercerita ini bukanlah sebuah peraduan tanpa memiliki makna dan hakikatnya tetapi juga berfungsi sebagai wasilah kepada pembentukan kebudayaan dan rupa bangsa negara ini sejak dari sekolah rendah lagi.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

6. Dalam hubungan ini, saya amat menyanjung tinggi usaha murni yang diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan menganjurkan Peraduan Mari Bercerita bagi kanak-kanak. (selain dari aktiviti-aktiviti yang dinyatakan oleh Pengerusi Majlis sebentar tadi). Anak-anak kita pada hari ini adalah aset dan perlaburan negara yang sangat penting dan berharga yang bakal menjadi generasi penerus dan penyambung nadi pem-bangunan serta keujudan bangsa dan negara pada masa hadapan.

7. Pada hemat saya peraduan serupa ini juga dapat menyemai dan menggalakkan budaya suka dan gemar membaca dalam kalangan kanak-kanak yang akhirnya dapat dijadikan sebagai satu budaya dalam kehidupan seharian. Perkara ini juga sejajar dengan tuntutan agama kita yang menekankan peri mustahak dan pentingnya membaca itu. Membaca adalah sebagai nilai tambah yang penting kepada pendekatan atau kaedah pendidikan baik secara formal atau tidak formal.

8. Saya penuh percaya dan yakin jika generasi tunas bangsa kita ini sudah terbiasa dengan budaya membaca yang kuat ditambah lagi dengan sokongan padu, bantuan dan dorongan keluarga khususnya para ibubapa serta guru-guru, insya Allah sudah setentunya akan dapat melahirkan masyarakat Brunei yang benar-benar berilmu, berpengetahuan dan mempunyai pola fikir yang kritis, kreatif, inovatif dan mampu berdaya saing terutama dalam situasi perkembangan dunia yang semakin kompetatif dan mencabar ini. Orang yang banyak membaca adalah orang

yang tidak pernah sunyi dalam hidupnya kerana sentiasa ditemani oleh pelabagi karakter dan persekitaran yang dibacanya.

9. Di yakini hanya dengan membaca buku-buku tertentu telah membolehkan peserta-peserta peraduan bercerita pagi ini dapat menyampaikan cerita, memenuhi syarat-syarat dan objektif peraduan.

10. Mengenai dengan pentingnya membaca di Negara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Majlis Perasmian Majlis Ilmu sempena Hari Keputeraan Baginda ke 65 Tahun pada 26 Julai 2011 Masihi bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas antaralain Baginda bertitah :

"... Betapa mustahaknya sesuatu bangsa itu memiliki ilmu pengetahuan dalam pembangunannya. Orang berilmu ialah orang yang tidak habis-habis menuntut, mendengar, melihat dan membaca bagi memperolehi ilmu. Orang seperti ini disebut

oleh Al-Qur'an sebagai orang yang diangkat darjatnya di sisi Allah dan manusia. Di manakah kita dalam perkara ilmu ini? Maksud beta, di mana kita dalam perkara membaca, mendengar dan mutala'ah bahan-bahan ilmu?"

Demikian Titah Baginda

11. Jika kita mahu mengukur martabat manusia yang bertamadun, kita perlu melihat akan ketinggian ilmu pengetahuan sesebuah masyarakat itu. Masyarakat berilmu dan kaya maklumat adalah hasil dari individu yang gemar membaca. Semakin kita banyak membaca semakin itulah juga ilmu kita berkembang. Ibarat perumpamaan

'Jauh Berjalan Banyak Penglihatan dan Banyak Pengalaman', 'Banyak Membaca Luas Pengetahuan'.

Sesungguhnya tidak ada jalan penghujung dan tidak ada dasar yang kita temui dalam kita merentasi dan menyelami lautan ilmu yang luas itu. Orang membaca juga dapat diibaratkan ***'sebeni benih yang baik jatuh ke laut pasti akan menjadi pulau'***. Hanya dengan ilmu pengetahuan yang luas dan mendalam sahaja masyarakat kita dapat maju dan yakin menghadapi pelbagai cabaran zaman yang cepat berubah ini dan mencapai Wawasan 2035 negara.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian

12. Menyentuh mengenai kegiatan Peraduan Mari Bercerita ini saya melihat dan berpendapat ianya perlu juga dilihat dan memanfaatkan unsur saintifik di dalamnya. Perkara ini perlu diberi perhatian melalui penyediaan pembimbing dan tenaga terlatih yang memiliki kemahiran terkini, pengetahuan psikologi yang baik bagi pengembangan potensi diri dan cerdas dalam hal seni dan budaya sehingga dapat menyerlah dan mengembangkan potensi anak-anak yang menyertai

dalam Peraduan Mari Bercerita yang telah diadakan sekian lama ini.

13. Dewan Bahasa dan Pustaka pula perlu menggalakkan penulisan cerita rakyat yang berbentuk *urban folklore* atau cerita Rakyat Kota baru yang diangkat daripada kisah inspiratif masyarakat misalnya kisah pemimpin berjaya, orang ternama, ahli sukan seperti perenang, pelari marathon atau pemain bola yang sukses, juruterbang dan keusahawanan berjaya melalui kerja keras, yang secara substantifnya cerita berkenaan bertemakan kepada inspirasi dan

pengembangan potensi diri. Cerita yang disampaikan bercermin kepada rentangan kisah benar manusia dan kita, yang secara esensi dapat menularkan nilai dan dorongan kepada anak-anak untuk memetik pelajaran hidup di dalamnya. Dalam ertikata lain, anak-anak yang bertanding bukan setakat membaca kisah dan menyampaikannya tetapi juga mereka membaca dan menelaah tokoh impian atau *figur ideal* itu, sifat usaha, disiplin, kerja keras dan kerjasama yang dapat dijadikan sebagai contoh ikutan dan teladan mereka. Ini bukan bererti kita menolak cerita-cerita

binatang yang diperadukan tetapi menggalakkan betapa kita perlu menyesuaikan dengan keperluan zaman, cerita yang menggugah dan boleh menginspirasi.

14. Saya merasakan kisah-kisah *urban folklore* yang menggugah ini tidaklah sulit untuk dikreativiti dan diolah dalam bentuk yang mudah dan menarik. Saya menekankan perkara ini kerana kita selalu mengaitkan apa juga aktiviti dan program yang diadakan disejajarkan dengan matlamat Wawasan Negara 2035 tetapi kita hanya merespons

matlamat wawasan tersebut pada pembentukan luaran semata-mata tanpa memerhatikan bahawa terdapat banyak aspek dan lingkungan yang berkaitan dengan aktiviti tersebut masih sama dan tidak pernah berubah bahkan hanya sedikit nilai tambah.

15. Saya seterusnya berharap peraduan tidak sekadar sebuah persembahan majlis atau upacara semata-mata tetapi juga harus kritis dalam menterjemahkan matlamat besar yang ingin dicapai dengan cara membuat audit penilaian dan memikirkan pembaharuan yang

diperlukan agar setiap kegiatan itu menjadi lebih baik dan Dewan Bahasa dan Pustaka dapat bersama-sama bersinergi dengan agensi lain dalam melahirkan rupa bangsa yang diperlukan oleh negara.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati

16. Dalam kesempatan yang baik ini, sukacita juga saya menyeru kepada semua Penghulu dan Ketua-ketua Kampung di seluruh negara selaku pemimpin akar umbi masyarakat supaya akan dapat memimpin masyarakat

kampung untuk meningkatkan kesadaran dalam memperkasa budaya membaca dan menggalakkan masyarakat di setiap mukim dan kampung masing-masing untuk bergerak sama dan mengambil langkah ke hadapan demi untuk sama-sama membantu Kerajaan dalam melahirkan masyarakat berilmu, berpengetahuan dan bermaklumat kearah bersama mencapai Wawasan 2035 negara. Mereka hendaklah meningkatkan kerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka khususnya untuk menggunakan

perkhidmatan yang disediakan di keempat-empat daerah.

17. Saya seterusnya menyarankan supaya perkhidmatan perpustakaan bergerak dilaratkan di kampung-kampung yang jauh dari perpustakaan yang disediakan supaya membolehkan masyarakat kampung dan mukim meminjam buku-buku dan bahan yang disediakan. Kita juga maklum Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengembangkan Projek 'Mukim Buku' yang telah dilancarkan di Skim Tanah Kurnia

Rakyat Jati, Mukim Rimba baru-baru ini ke seluruh Negara.

18. Saya juga menyeru kepada agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan, organisasi swasta dan masyarakat seluruhnya supaya akan dapat sama-sama berganding bahu dalam usaha untuk memupuk dan menyemai minat suka dan gemar membaca kepada segenap golongan masyarakat khususnya dalam kalangan belia, remaja, muda-mudi dan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama membantu Kerajaan untuk mencapai

matlamat untuk memperkasa budaya membaca kepada semua golongan masyarakat di Negara ini.

19. Akhirnya saya mengucapkan selamat bertanding kepada peserta-peserta Peraduan dan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pemenang-pemennangnya nanti dan yang tidak berjaya pula tidak akan patah hati malahan akan terus mencuba di lain-lain kesempatan. Ucapan tahniah ini juga ditujukan kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Peraduan dan berharap usaha murni berkebajikan ini

akan terus berkesinambungan
dianjurkan dengan pembaharuan-
pembaharuan searus masa dan keadaan
di peraduan-peraduan yang akan
datang.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته